

Headline	FBM KLCI menokok 0.16 mata		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B16
ArticleSize	192 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,102		



FBM KLCI menokok 0.16 mata

» Saham wajaran tinggi imbangi sentimen kurang bermaya

Harga saham di Bursa Malaysia, yang dibuka dalam suasana berhati-hati, naik sedikit pada akhir dagangan semalam, mencerminkan sentimen pasaran yang kurang bermaya.

FTSE Bursa Malaysia KLCI mengakhiri dagangan 0.16 mata lebih tinggi pada 1,798.13 selepas berlegar di antara 1,796.25 dan 1,802.78 di sepanjang sesi dagangan.

Saham rugi mengatasi saham untung dengan jumlah 465 berbanding 347, manakala 315 kaunter tidak berubah, 473 tidak diniagakan dan 34 digantung urus niaga.

Jumlah dagangan bertambah kepada 2.12 bilion saham bernilai RM2.67 bilion daripada 1.74 bilion saham bernilai RM1.88 bilion kelmarin.

Seorang peniaga berkata, pasaran ekuiti tempatan seolah-olah berusaha keras untuk kekal di atas paras 1,800 dan naik ekoran peningkatan harga di kaunter-kaunter berwajaran tinggi terpilih, iaitu PETRONAS Dagangan dan Tenaga Nasional.

“Pada penutupan, PETRONAS Dagangan melonjak 90 sen kepada RM31.04, setelah dibuka pada RM30.10, dengan 1.46 juta saham diurus niaga, manakala Tenaga Nasional mengukuh 21 sen kepada RM9.85, selepas dibuka pada RM9.65, dengan 10.47 juta saham diurus niaga,” kata peniaga itu.

Indeks Kewangan melonjak 88.16 mata kepada 16,596.65, manakala Indeks Perusahaan turun 15.92 mata kepada 3,115.5, dan Indeks Perladangan susut 21.8 mata kepada 8,786.37.

Indeks FBM Emas 11.55 mata lebih rendah pada 12,501.87, Indeks FBMT100 jatuh 13.99 mata kepada 12,223.39, Indeks FBM ACE susut 28.07 mata kepada 5,665.78 dan FBM 70 turun 78.26 mata kepada 14,172.93.

Antara saham cergas, Ingenuity Consolidated turun sesen kepada 8.5 sen, Sumatec susut 2.5 sen kepada 30.5 sen dan Dialog jatuh 13 sen kepada RM2.96.

Bagi saham berwajaran

tinggi, CIMB melonjak 12 sen kepada RM7.63 dan Sime Darby mengukuh tiga sen kepada RM9.63, manakala Maybank dua sen lebih rendah pada RM9.59.

Jumlah dagangan dalam Pasaran Utama bertambah kepada 1.4 bilion saham bernilai ZRM2.55 bilion daripada 1.28 bilion saham bernilai RM1.77 bilion.

Pasaran ACE mencatatkan peningkatan jumlah dagangan kepada 679.76 juta saham bernilai RM113.39 juta daripada 394.98 juta saham bernilai RM97.66 juta.

Waran mengecil jumlahnya kepada 40.54 juta unit bernilai RM4.66 juta daripada 51.21 juta unit bernilai RM5.39 juta.

Barangan pengguna menguasai 96.04 juta saham yang diniagakan dalam Pasaran Utama, barangan perusahaan 106.02 juta, pembinaan 34.85 juta, perdagangan dan perkhidmatan 725.71 juta, teknologi 159.19 juta, prasarana 42.73 juta, SPAC 15.02 juta, kewangan 82.85 juta, hotel 956,300, harta 101.27 juta, perladangan 20.28 juta, perlombongan 17,000, REIT 16.09 juta dan dana tertutup 122,300.

BERNAMA